

ISI KANDUNGAN

LATAR BELAKANG KEPERLUAN DASAR

6

7

ASAS KEPERLUAN DASAR

DEFINISI RUMAH MAMPU MILIK

8

9

TERAS DAN PENYATAAN

CIRI-CIRI RUMAH MAMPU MILIK

14

16

PROGRAM PEMBANGUNAN RUMAH MAMPU MILIK

INSENTIF PEMBANGUNAN

18

20

SYARAT-SYARAT PEMILIKAN RUMAWIP

AGENSI KHAS MERANCANG DAN MENGAWAL
SELIA RUMAWIP

21

21

KESIMPULAN

TARIKH KUAT KUASA

21

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A

23

Bilangan Dan Taburan Peratus Isi Rumah Mengikut Kelas Pendapatan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan & Wilayah Persekutuan Putrajaya, 2009

Pendapatan Isi Rumah Bulanan Purata, Penengah dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, Wilayah Persekutuan, 2007 dan 2009

LAMPIRAN B

24

Taburan Peratus Isi Rumah mengikut Jenis Pemilikan Rumah, Wilayah Persekutuan, Malaysia, 2009

Pemilikan Isi Rumah, 2002-2009

LAMPIRAN C

25

Harga Jualan Harta Kediaman Untuk Suku Ketiga 2012 Berdasarkan Harga Penengah (Median)

LATAR BELAKANG KEPERLUAN DASAR

Dasar Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan digubal bagi merealisasikan Dasar Perumahan Negara dicapai di Wilayah Persekutuan di mana keperluan pemilikan rumah disasarkan kepada keperluan penduduk yang disandarkan kepada kemampuan untuk membeli dan membayar. Dasar ini juga merupakan panduan kepada pihak yang terlibat dalam perancangan pembangunan perumahan khususnya kepada pihak berkuasa tempatan dan pemaju dalam merancang serta membangunkan rumah mampu milik yang dicadangkan untuk disyaratkan dalam setiap pembangunan perumahan.



Dalam pembentangan Bajet 2013 oleh YAB Perdana Menteri, penekanan terhadap perumahan untuk rakyat dinyatakan iaitu "kerajaan sedar, perumahan selesa dan mampu milik adalah keperluan asas paling utama kepada rakyat". Justeru itu, satu dasar yang komprehensif adalah perlu untuk membolehkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Labuan (PL) dan Perbadanan Putrajaya (PPj) merancang serta menimbangkan permohonan perancangan yang terdapat keperluan penyediaan rumah mampu milik dengan lebih berkesan. Oleh yang demikian, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) komited untuk memastikan setiap warga Wilayah Persekutuan berpeluang untuk memiliki rumah mereka sendiri berlandaskan kepada prinsip satu keluarga satu rumah.



ASAS KEPERLUAN DASAR

Tahap Kemampuan Pendapatan

Mengikut data penyiasatan pendapatan isi rumah 2009 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (**rujuk Lampiran A**), isi rumah di Wilayah Persekutuan tergolong di pendapatan RM5,000 dan ke bawah dimana 58% di Kuala Lumpur, 72% di Labuan dan 45% di Putrajaya. Adalah dijangka keadaan ini akan berterusan sehingga tahun 2020. Dengan itu, keperluan terhadap rumah mampu milik sangat diperlukan bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki rumah sendiri.

Kos Pembangunan

Kos-kos pembangunan perumahan di Wilayah Persekutuan adalah tinggi membabitkan kos pemilikan tanah dan kos penyediaan infrastruktur. Di samping itu, tanah-tanah untuk pembangunan perumahan di Wilayah Persekutuan adalah terhad. Pembeli juga menanggung beban harga jualan rumah yang tinggi di samping kos sampingan seperti guaman, duti setem dan kos penyelenggaraan bagi rumah strata.

Kumpulan Terpinggir

Berdasarkan pelaksanaan dasar semasa bagi pemilikan rumah kos rendah (untuk isi rumah dengan pendapatan RM2,500 dan ke bawah), didapati golongan berpendapatan sederhana tidak layak memiliki rumah kos rendah dan pada masa sama, tidak mampu membeli stok rumah sedia ada (rumah teres dan berkembar dengan harga RM400,000 dan ke atas) akibat harga jualan yang tinggi dan sentiasa meningkat dari semasa ke semasa (**rujuk Lampiran C**). Keadaan ini menjadi antara faktor penyumbang utama kepada nilai peratus penyewa rumah yang tinggi di Wilayah Persekutuan terutama di Kuala Lumpur.

Permintaan Memiliki Rumah

Berdasarkan taburan peratus isi rumah mengikut jenis pemilikan rumah, peratusan yang menyewa adalah sebanyak 47.5% (Kuala Lumpur), 89.8% (Putrajaya) dan 36.1% (Labuan) berbanding 25.1% di peringkat nasional oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (**rujuk Lampiran B**). Ini menunjukkan lebih kurang separuh daripada penduduk di Wilayah Persekutuan adalah merupakan penyewa dan jika diandaikan mereka ingin memiliki rumah sendiri maka masih banyak rumah yang perlu dibina. Jika diselaraskan dengan tahap kemampuan maka penyediaan rumah mampu milik perlu diberi keutamaan.

Kadar Migrasi

Kadar perbandaran yang tinggi dan pertambahan peluang pekerjaan di *Greater KL/Klang Valley* menarik migrasi masuk ke Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan ini meningkatkan keperluan perumahan (rendah dan sederhana) sama ada melalui penyewaan atau pemilikan.

Kesan Spekulasi

Kegiatan spekulasi hartanah di Wilayah Persekutuan didapati meningkat disebabkan faktor pasaran bebas dan tiada sekatan khusus terhadap pemilikan kedua dan ketiga bagi perumahan. Tindakan *bloc booking* juga oleh pihak tertentu sebelum dan semasa pelancaran perumahan mampu milik bukan sahaja mengurangkan peluang bagi bakal pemilik membeli stok rumah baru yang ditawarkan. Keadaan ini jika tidak dibendung ia seakan membuka peluang dan membolehkan golongan tertentu membuat spekulasi hartanah.

DEFINISI RUMAH MAMPU MILIK

Pada masa ini terdapat pelbagai definisi yang telah diguna pakai oleh Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menjelaskan maksud rumah mampu milik. Definisi-definisi yang diguna pakai adalah seperti berikut:



Bagi keperluan dasar ini rumah mampu milik didefinisikan sebagai rumah yang harga jualan RM300,000 dan ke bawah dengan mempunyai 1 bilik, 2 bilik, 3 bilik dan rumah kos rendah 3 bilik, pembinaan studio boleh dipertimbangkan. Ianya adalah untuk para isi rumah berpendapatan RM10,000 sebulan dan ke bawah, mengambil kira kos sara hidup yang lebih tinggi di Wilayah Persekutuan.

- a. **Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan** mendefinisikan rumah mampu milik berasaskan rumah yang dijual dengan harga RM300,000 ke bawah. Terbahagi kepada tiga (3) jenis kategori iaitu Rumah Kos Rendah (RKR), Rumah Kos Sederhana Rendah (RKSR) dan Rumah Kos Sederhana (RKS) dengan pendapatan isi rumah RM5,000 sebulan dan ke bawah.
- b. **PR1MA** mendefinisikan rumah mampu milik berasaskan harga jualan rumah di antara RM100,000 hingga RM400,000 untuk golongan berpendapatan isi rumah RM2,500 hingga RM7,500 sebulan.
- c. **Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)** mendefinisikan rumah mampu milik berasaskan harga jualan di antara RM100,000 hingga RM300,000.



RM10,000 dan kebawah

**RM300,000
dan kebawah**

TERAS DAN PENYATAAN

DASAR RUMAWIP

dirangka dengan empat (4) teras dengan pernyataan seperti berikut:

TERAS 1

Penyediaan Perumahan Yang Mencukupi Mengikut Keperluan Khusus Golongan Yang Memerlukannya.

TERAS 2

Meningkatkan Keberkesanan Pelaksanaan Dan Memastikan Pematuhan Kepada Sistem Penyampaian Perkhidmatan Berkaitan Perumahan.

TERAS 3

Menjamin Stok Penawaran Rumah Mampu Milik Seimbang Dengan Permintaan Mengikut Kumpulan Pendapatan (Peningkatan Keupayaan dan Akses Rakyat Memiliki Rumah).

TERAS 4

Peningkatan Tahap Kemudahan Sosial, Perkhidmatan Asas Dan Persekitaran Berdaya Huni Mengikut Piawaian dan Garis Panduan.

TERAS 1

Penyediaan Perumahan Yang Mencukupi Mengikut Keperluan Khusus Golongan Yang Memerlukannya.

Pembeli mempunyai cita rasa yang berbeza-beza mengikut keperluan hidup mereka. Mereka yang berkeluarga besar tentunya memerlukan bilangan bilik yang lebih dari mereka yang hidup bersendirian. Oleh itu pengetahuan mengenai pasaran adalah penting dalam menyediakan kualiti rumah yang sesuai dengan cita rasa pembeli. Dasar sedia ada yang menetapkan sebanyak 30% dari jumlah rumah yang dibina adalah rumah kos rendah perlu dijustifikasikan keperluannya;

Fokus KWPKB dalam penyediaan perumahan adalah kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana iaitu isi rumah pendapatan RM10,000 sebulan dan ke bawah;

Konsep membina rumah perlukan fleksibiliti di mana dalam satu bangunan bertingkat boleh terdapat rumah harga kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sederhana. Pada masa ini pembinaan adalah khusus mengikut sesuatu kategori tertentu. Pada amnya pembinaan rumah yang mempunyai 3 bilik tidur perlulah berkeluasan tidak kurang daripada 800 kaki persegi bagi rumah harga sederhana rendah dan rumah harga sederhana manakala 700 kaki persegi bagi rumah harga rendah. Sementara itu bagi dua bilik tidur dan kurang berkeluasan tidak kurang dari 650 kaki persegi; dan

Kesediaan tapak yang belum ada pembangunan atau '*green field*' tidak lagi banyak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Oleh itu peluasan projek di kawasan '*brown field*' atau '*slum*' adalah alternatif yang terbaik.



TERAS 2

Meningkatkan Keberkesanan Pelaksanaan Dan Memastikan Pematuhan Kepada Sistem Penyampaian Perkhidmatan Berkaitan Perumahan



Kerajaan di cadang mewujudkan satu Program RUMAWIP yang menyediakan perancangan, pelaksanaan, pemasaran, alternatif pembiayaan dan kawalan ke atas stok rumah yang didaftarkan di bawah program ini;

Mewujudkan satu agensi khas yang mengawal selia pelaksanaan Program RUMAWIP;

Kaedah pembinaan yang berorientasikan penjimatan kos adalah menjadi agenda utama dalam mengekang kenaikan kos pembinaan yang akhirnya akan dinikmati oleh pembeli. Bagi pembinaan berskala besar, kaedah *Industrialised Building System* (IBS) perlu diwajibkan kerana kaedah ini lebih kos efektif dan boleh dibina dengan lebih cepat;

Bagi mengelak risiko kegagalan menyiapkan pembinaan perumahan yang akhirnya akan ditanggung oleh pembeli, konsep Bina Kemudian Jual (BKJ) perlu digalakkan. Agensi khas yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk mengendalikan Program RUMAWIP boleh membeli sementara mana-mana unit yang tidak ada pembeli individu apabila rumah tersebut siap untuk dijual dengan syarat ia menepati kriteria rumah mampu milik Wilayah Persekutuan; dan

Menyediakan kemudahan dan insentif kepada pemaju dan pembeli yang bersedia menyertai Program RUMAWIP.



TERAS 3

Menjamin Stok Penawaran Rumah Mampu Milik Seimbang Dengan Permintaan Mengikut Kumpulan Pendapatan (Peningkatan Keupayaan dan Akses Rakyat Memiliki Rumah).

Kenaikan harga rumah pada amnya telah meningkat lebih pantas berbanding dengan kenaikan daya beli penduduk. Bagi menjamin kenaikan harga yang seimbang dengan pendapatan perlu ada kawalan tertentu oleh pihak berkuasa ke atas bilangan stok rumah yang telah mendapat faedah dari insentif kos pembangunan dan fi yang berkaitan. Harga rumah yang tidak terlibat dengan skim insentif ini bebas daripada kawalan walaupun pada awalnya dijual dalam lingkungan harga mampu milik; dan

Kos membiayai pinjaman pembelian rumah perlulah di selaras dengan indeks pendapatan penduduk Wilayah Persekutuan. Dalam hal ini kawalan atau insentif dari Bank Negara kepada institusi kewangan penting untuk menjamin kos pinjaman tidak melebihi keupayaan membayar oleh kumpulan sasar pada sesuatu masa.



TERAS 4

Peningkatan Tahap Kemudahan Sosial, Perkhidmatan Asas Dan Persekitaran Berdaya Huni Mengikut Piawaian dan Garis Panduan.



Keselesaan kehidupan dalam rumah penting bagi setiap penghuni rumah. Pada amnya purata isi rumah di kawasan bandar ialah 4.5 orang. Saiz rumah untuk bilangan isi rumah sedemikian ialah haruslah tidak kurang dari 800 kaki persegi. Walau bagaimanapun terdapat saiz isi rumah kurang dari itu khususnya bagi warga emas atau yang tinggal bersendirian. Keselesaan mereka mencukupi saiz rumah kira-kira 650 kaki persegi sahaja;

RUMAWIP perlu disediakan kemudahan-kemudahan awam (dewan orang ramai, terminal ilmu dan rumah sampah) dan keperluan sosial (surau dan tempat ibadat) yang lengkap untuk mewujudkan persekitaran penghuni bandar yang kondusif; dan

Dasar RUMAWIP juga perlu membantu memperkemaskan sistem pengurusan perumahan yang sering kali diabaikan oleh penduduk. Pemantapan mekanisme pengurusan dan penyenggaraan bangunan berstrata dan harta bersama yang efisien boleh dilaksanakan oleh agensi khas kawal selia bersama dengan Pihak Berkuasa Tempatan.

CIRI-CIRI RUMAH MAMPU MILIK

Pada masa kini RUMAWIP dikategorikan kepada beberapa jenis seperti di Jadual 1:

Jadual 1 : Jenis Rumah Sedia Ada Di Bawah Kategori Rumah Mampu Milik
(Dasar Perumahan Negara - KPKT)

JENIS	HARGA JUALAN	SAIZ
Kos Rendah	RM42,000	650 kps
Kos Sederhana Rendah	RM42,001 – RM150,000	750 kps – 800 kps
Kos Sederhana	RM150,001 – RM300,000	801 kps – 900 kps

Peningkatan kos pembangunan dari masa ke semasa memberi kesan kepada jumlah subsidi yang perlu ditanggung oleh Kerajaan. Di samping itu, terdapat juga peningkatan pendapatan penduduk Wilayah Persekutuan walaupun perlahan. Oleh itu dicadangkan harga rumah mampu milik di tetapkan seperti di Jadual 2:

Jadual 2 : Cadangan Jenis, Harga Rumah dan Saiz Minimum Di Bawah RUMAWIP

JENIS	HARGA JUALAN	SAIZ MINIMA
Rumah Harga Rendah	RM63,000 (Kuala Lumpur dan Putrajaya) RM52,000 (Labuan)	700 kaki persegi (3 bilik tidur)
Rumah Harga Sederhana Rendah	RM63,001 – RM150,000	800 kaki persegi (3 bilik tidur) dan 650 kaki persegi (2 bilik tidur dan kurang)
Rumah Harga Sederhana	RM150,001 – RM300,000	

Memandangkan cita rasa penduduk memilih saiz kediaman di bandar adalah pelbagai maka dicadangkan komposisi jenis rumah mampu milik bagi rumah harga sederhana rendah dan sederhana adalah seperti di Jadual 3, bergantung pada lokasi dan zoning sesuatu pembangunan RUMAWIP.

Jadual 3 : Komposisi Jenis Rumah Di Bawah Kategori Rumah Mampu Milik (Bagi Rumah Harga Sederhana Rendah dan Harga Sederhana)

JENIS	PERATUS *
Studio atau 1 bilik	10%
2 bilik	15%
3 bilik	75%
Jumlah	100%

* % daripada bilangan unit yang perlu disediakan untuk sesuatu pembangunan



PROGRAM PEMBANGUNAN RUMAH MAMPU MILIK

Kerajaan mempunyai tanggungjawab sosial dalam menyediakan perumahan yang sesuai untuk rakyat. Peranan ini boleh dilaksanakan melalui agensi-agensi sedia ada atau melalui kerjasama pihak swasta. Suatu Program RUMAWIP yang menyeluruh perlu diwujudkan oleh KWPKB. Antara perkara yang perlu diberi perhatian untuk pelaksanaan program ini ialah penyediaan tapak perumahan yang menjadi kekangan dalam menyediakan stok rumah di kawasan bandar. Oleh itu beberapa tapak pembangunan yang dikenal pasti yang boleh dijadikan sebagai skim pembinaan rumah mampu milik ialah:



Tanah Kerajaan Yang Menjadi 'Brownfield'

Terdapat tanah Kerajaan yang telah lama dibangunkan dan mengalami kemerosotan kualiti bangunan atau ditinggalkan kerana tidak lagi menepati tujuan ia dibina. Tanah-tanah sedemikian adalah di bawah kawalan agensi kerajaan tetapi dimiliki oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Tanah sedemikian yang berada di sekitar stesen pengangkutan sesuai dibangunkan dengan rumah mampu milik.



Tanah Kerajaan Yang Dihuni Setinggan

Cadangan pembinaan rumah mampu milik di atas tanah-tanah kerajaan yang dihuni setinggan terutama di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tanah Persendirian Dengan Hak Milik Strata

Pemaju digalakkan membangunkan rumah mampu milik melalui usaha sama dengan pemilik-pemilik hak milik strata yang memerlukan pembangunan semula dengan diberikan insentif.

Pembangunan Semula

Inisiatif membangunkan semula tapak-tapak perumahan lama oleh pihak swasta boleh diletakkan syarat mesti mengandungi rumah mampu milik. Insentif tertentu sebagai penggalak pihak swasta menyertai skim pembinaan rumah mampu milik perlu disediakan sebagai tambahan kepada usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Pengezonan Kawasan Perumahan Mampu Milik

Kawasan perumahan yang dikategorikan kawasan perumahan berdensiti tinggi dalam yang mana 10% daripada kawasan tersebut boleh dibangunkan sebagai perdagangan untuk menampung keperluan penduduk setempat.



INSENTIF PEMBANGUNAN

Bagi merencanakan penyediaan rumah mampu milik di Wilayah Persekutuan, pelbagai insentif telah digariskan. Walau bagaimanapun pihak pemaju perlulah memohon insentif-insentif tersebut kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk dipertimbangkan dan digalakkan menawarkan insentif kepada pembeli. Pihak DBKL, PL dan PPj digalakkan menawarkan insentif tambahan, mengikut keadaan dan keperluan setempat. **Pemberian insentif ini tertakluk kepada persetujuan agensi berkaitan yang disandarkan dengan dasar atau ketetapan semasa kerajaan.**



Senarai Insentif Kepada Pemaju

- Pembinaan RUMAWIP dikecualikan daripada caj pembangunan mengikut peratusan yang dibina seperti berikut:

Jadual 4 : Peratus Pengecualian Caj Pembangunan RUMAWIP

Peratus Rumah Mampu Milik	Peratusan Pengecualian
30%	30%
50%	50%
70%	70%
100%	100%

- Kebenaran meningkatkan kepadatan penduduk dan pembangunan perdagangan maksima 10% di dalam kawasan yang sama;
- Kelulusan kebenaran merancang/perintah pembangunan bagi pembinaan RUMAWIP melebihi 30% layak melalui laluan khas (*greenlane*) dengan syarat pemaju membuat *preconsultation* sebelum permohonan dan dikemukakan secara serentak;
- Penyediaan tempat letak kereta (TLK) dan tempat letak motosikal (TLM) perlulah mengikut piawaian sedia ada di mana pemilikan dan pengurusan TLK dan TLM adalah diserahkan kepada Perbadanan Pengurusan (MC) ; atau
- Pengurangan atau pengecualian premium berdasarkan permohonan bagi tanah yang didirikan RUMAWIP mengikut jadual untuk caj, bayaran dan sumbangan pembangunan.



Senarai Insentif Kepada Pemilik

- Pemilik RUMAWIP di kawasan pembangunan bercampur diberi keistimewaan bayaran tarif utiliti (elektrik, pembetulan, air dan telekom) di bawah kadar perumahan, bukan di bawah kadar perdagangan;
- Bayaran pendahuluan (down payment) untuk pemilikan pertama boleh dibayar secara ansuran; atau
- Pengecualian duti setem untuk pemilikan pertama.



SYARAT-SYARAT PEMILIKAN RUMAWIP

Kriteria dan syarat pemilikan rumah mampu milik di Wilayah Persekutuan adalah seperti berikut:

- Pemohon mestilah warganegara Malaysia berumur sekurang-kurangnya 21 tahun ketika permohonan dibuat dan telah bermastautin atau bekerja di Wilayah Persekutuan tidak kurang dari 3 tahun (Penyata KWSP atau Borang J LHDN diperlukan);
- Pendapatan kasar isi rumah bagi pemohon hendaklah tidak lebih daripada RM10,000 sebulan;
- Pemohon isi rumah tidak memiliki sebarang rumah kediaman di Wilayah Persekutuan;
- Rumah mampu milik yang dibeli oleh pemohon tidak boleh dijual dalam tempoh 10 tahun dari tarikh pembelian;
- Pembeli hendaklah mendiami rumah yang dibeli dan tidak boleh disewakan kecuali dengan kebenaran daripada agensi khas merancang dan mengawal selia RUMAWIP;
- Keutamaan diberikan kepada pemohon yang tinggal berhampiran dengan kawasan rumah mampu milik yang dibangunkan;
- Ketua isi rumah layak memiliki satu unit rumah mampu milik sahaja di Wilayah Persekutuan; atau
- Peningkatan pemilikan ke saiz rumah mampu milik yang lebih besar daripada yang dimiliki sekarang adalah dibenarkan dengan syarat unit lama dijual pada harga yang dipersetujui oleh agensi khas.



AGENSI KHAS MERANCANG DAN MENGAWAL SELIA RUMAWIP

Satu agensi khas dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan di Wilayah Persekutuan adalah diperlukan untuk memantau pelaksanaan Dasar ini. Antara peranan agensi ini termasuklah:

- Merancang dan mengawal selia RUMAWIP;
- Mendaftar data unit rumah mampu milik yang menerima insentif;
- Menghebahkan maklumat berkenaan kawasan-kawasan rumah mampu milik baru yang akan dibangunkan;
- Mengurus pendaftaran pembeli;
- Penjualan unit baru, penjualan balik, unit tidak terjual dan penyewaan;
- Mewujudkan data bank untuk stok perumahan mampu milik agar mudah diakses oleh golongan berpendapatan rendah dan sederhana; dan
- Menetapkan jadual harga pembelian balik unit RUMAWIP yang dijual balik oleh pemilik



KESIMPULAN

Dasar Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan ini dijangka akan dapat mengatasi masalah untuk mengadakan bekalan rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan sederhana yang mencukupi. Selain itu, ia diharap akan dapat menampung dan memberi peluang kepada golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana yang tinggal di bandar untuk memiliki rumah sendiri. Kerajaan juga akan memastikan bahawa perancangan dan pembangunan perumahan disediakan berdasarkan konsep penempatan manusia. Ini bermakna pemaju perumahan perlu menyediakan kemudahan infrastruktur yang mencukupi dan sempurna manakala DBKL, PL dan PPj perlu menyediakan kemudahan sosial lain seperti pusat rekreasi, dewan serbaguna dan lain-lain kemudahan sosial bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat.

TARIKH KUAT KUASA

Dasar Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan ini berkuat kuasa mulai pada 28 Mac 2013.



LAMPIRAN

LAMPIRAN A

Bilangan Dan Taburan Peratus Isi Rumah Mengikut Kelas Pendapatan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan & Wilayah Persekutuan Putrajaya, 2009

BILANGAN ISI RUMAH (‘000)	WILAYAH PERSEKUTUAN		
	KUALA LUMPUR	LABUAN	PUTRAJAYA
	371.7	16.4	15.5
KELAS PENDAPATAN (RM)	%	%	%
<500	0.1	0.2	-
500 - 999	1.3	3.8	0.3
1,000 - 1,499	5.1	9.1	1.1
1,500 - 2,000	7.2	11.4	3.3
2,000 - 2,499	8.4	9.4	5.8
2,500 - 2,999	7.5	6.4	3.3
3,000 - 3,499	7.3	9.6	4.4
3,500 - 3,999	7.6	8.2	11.4
4,000 - 4,999	13.7	11.4	15.3
5,000 - 6,999	17.9	14.5	19.7
7,000 - 9,999	13.0	9.7	17.8
≥10,000	11.1	6.2	17.5
JUMLAH	100.0	100.0	100.0

Sumber: Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas, 2009

Pendapatan Isi Rumah Bulanan Purata, Penengah dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, Wilayah Persekutuan, 2007 dan 2009

WILAYAH PERSEKUTUAN	PURATA (MEAN)			PENENGAH (MEDIAN)		
	RM (2007)	RM (2009)	% PERTUMBUHAN TAHUNAN PURATA 2007-2009	RM (2007)	RM (2009)	% PERTUMBUHAN TAHUNAN PURATA 2007-2009
MALAYSIA	3,686	4,025	4.5	2,552	2,841	5.5
Kuala Lumpur	5,322	5,488	1.5	3,697	4,409	9.2
Putrajaya	5,294	6,747	12.9	4,288	5,450	12.7
Labuan	3,726	4,407	8.8	2,777	3,498	12.2

Sumber: Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas, 2009

LAMPIRAN B

Taburan Peratus Isi Rumah mengikut Jenis Pemilikan Rumah, Wilayah Persekutuan, Malaysia, 2009

WILAYAH PERSEKUTUAN	DIMILIKI (%)	DISEWA (%)	LAIN-LAIN (%)
Malaysia	71.4	25.1	3.5
Kuala Lumpur	50.0	47.5	2.5
Putrajaya	9.6	89.8	0.6
Labuan	57.7	36.1	6.2

Sumber: Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas, 2009

Pemilikan Isi Rumah, 2002-2009

WILAYAH PERSEKUTUAN	2002			2004		
	DIMILIKI	DISEWA	LAIN	DIMILIKI	DISEWA	LAIN
Kuala Lumpur	43.5%	44.4%	12.1%	48.0%	46.2%	5.8%
Putrajaya	-	-	-	-	-	-
Labuan	-	-	-	-	-	-
WILAYAH PERSEKUTUAN	2007			2009		
	DIMILIKI	DISEWA	LAIN	DIMILIKI	DISEWA	LAIN
Kuala Lumpur	51.1%	42.1%	6.8%	50.0%	47.5%	2.5%
Putrajaya	11.9%	28.8%	59.2%	9.6%	89.8%	0.6%
Labuan	-	-	-	57.7%	36.1%	6.2%

Sumber: Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas, 2009

Nota:

Bagi tahun 2002 - 2007, W.P Labuan termasuk dalam Sabah

Bagi tahun 2002 - 2004, W.P Putrajaya termasuk dalam Selangor

Bagi tahun 2007, kod 'Lain-lain' termasuk kuarters disewa campur lain-lain

LAMPIRAN C

Harga Jualan Harta Kediaman Untuk Suku Ketiga 2012 Berdasarkan Harga Penengah (Median)

WILAYAH PERSEKUTUAN	RUMAH TERES 2 TINGKAT (RM)	RUMAH BERKEMBAR (RM)
Kuala Lumpur	559,000	2,740,000
Labuan	210,000	560,000
Putrajaya	547,944	895,000

Sumber : Laporan Stok Harta Tanah NAPIC, Jadual Stok Kediaman 2012